

# Bantu siswa ikuti program pendedahan global

Tiga penerima sulung biasiswa baru mahu tingkat upaya di luar negara, harap lebih ramai anak Melayu masuk SMU



**PENERIMA SULUNG:** Cik Nur Amalina, Encik Hafiz dan Encik Khairul menerima Biasiswa Kecemerlangan Mercu-SMU atas pencapaian cemerlang masing-masing. Majlis penyampaian biasiswa diadakan di SMU Khamis lalu. – Foto ZAINAL YAHYA

► **NUR ADILAH MAHBOB**  
adilaham@sph.com.sg

BAGAI pucuk dicita ulam mendatang.

Begitulah perasaan mahasiswi Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Cik Nur Amalina Saparin, apabila diberi Biasiswa Kecemerlangan Mercu-SMU baru-baru ini.

Beliau sebenarnya sedang menimbang beberapa pilihan biaya bagi program pertukaran di Universiti New South Wales, Sydney, Australia, yang bakal diikuti tahun depan apabila beliau meraih biasiswa bernilai \$12,000 itu.

“Saya bersyukur kerana biasiswa itu lebih daripada mencukupi bagi membiayai program pertukaran yang memerlukan belanja seki-

tar \$10,000,” ujar Cik Amalina, pelajar tahun empat di Sekolah Undang-Undang SMU.

Cik Amalina, 22 tahun, merupakan antara tiga penerima sulung Biasiswa Kecemerlangan Mercu-SMU yang dilancarkan Khamis lalu.

Biasiswa tersebut ditubuhkan dengan sumbangan \$600,000 daripada Mercu Learning Point, anak syarikat Angkatan Karyawan Islam (AMP) yang mengendali pusat jagaan kanak-kanak dan pelajar, serta dua karyawan Singapura.

Pegawai pelaburan dan pegawai bank yang turut menyumbang itu enggan nama mereka disiarkan.

Dengan tokokan pemerintah, dana itu kini bernilai \$1.2 juta. Tiga biasiswa akan ditawarkan setiap

tahun, dengan setiap satu bernilai \$12,000.

Biasiswa itu dibuka kepada mahasiswa Melayu Singapura yang belajar sepenuh masa, dalam tahun dua hingga empat, di enam sekolah SMU.

Ia disasarkan kepada pelajar Melayu yang mempunyai pencapaian akademik cemerlang serta rekod kegiatan ko-kurikular atau penglibatan khidmat masyarakat.

Dua lagi penerima tahun ini ialah Encik Khairul Ashraf Khairul Anwar dan Encik Muhammad Hafiz Kasman.

“Biasiswa ini akan terus membakar semangat pelajar dan bakal pelajar SMU supaya terus mencapai kecemerlangan,” ujar Encik Khairul, 23 tahun, pelajar tahun ketiga Sekolah Undang-Undang.

Beliau juga Naib Presiden Kelab Bahasa dan Budaya Melayu SMU, malah pernah mewakili universiti itu dalam peraduan moot (latihan perbicaraan) antarabangsa di Mumbai awal tahun ini.

Encik Hafiz pula pernah memimpin sekumpulan pelajar SMU dalam kursus modul global bersama pelajar Sekolah Wharton, Universiti Pennsylvania, dalam lawatan ke beberapa negara rantau ini.

“Saya harap biasiswa ini akan menarik lebih ramai pelajar Melayu menuntut di SMU, sekali gus dalam bidang perniagaan dan kewangan,” ujar Encik Hafiz, 22 tahun.

Encik Khairul dan Encik Hafiz rancang mahu menggunakan biasiswa bagi mengikuti lebih banyak program pengayaan di luar negara.